


TARIKH	09 / 03 / 2016	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	08	RUANGAN	



TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH (tengah) bersama Ismee Ismail (tiga dari kanan), Radin Rosli Radin Suhadi (dua dari kanan) dan Wan Abdul Wahid Wan Hassan (tiga dari kiri) memegang replika cek zakat perniagaan TH dan TH Plantations Sdn. Bhd. dalam Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Korporat di Istana Abdul Aziz, Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Kuota haji Malaysia kekal 22,320 orang

KUANTAN 28 Mac - Kuota jemaah haji Malaysia pada tahun ini masih dipotong 20 peratus oleh kerajaan Arab Saudi dan jumlahnya kekal sebanyak 22,320 orang sama seperti tiga tahun sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail berkata, hal demikian kerana proses pembangunan dan kerja-kerja penambahbaikan yang masih dijalankan di sekitar kawasan Masjidilharam.

"Jadi untuk keselesaan dan keselamatan jemaah haji maka keputusan tersebut diputuskan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Pemilihan seperti biasa iaitu yang dahulu akan didahulukan dan saya dimaklumkan surat tawaran pusingan pertama telah pun dihantar kepada semua bakal jemaah haji," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Korporat di Istana Abdul Aziz, di sini hari ini.

Dalam majlis berkenaan, Lembaga Tabung haji menyerahkan zakat perniagaannya berjumlah RM2.78 juta dan TH Plantations Berhad (RM504,987) kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Mel-



Jadi untuk keselesaan dan keselamatan jemaah haji maka keputusan tersebut diputuskan oleh kerajaan Arab Saudi."

ISMEE ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji

ayu Pahang (Muip).

Pembayaran zakat itu diserahkan Ismee kepada Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Yang Dipertua Muip.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Muip, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan dan Pengarah Perladangan TH Plantations, Radin Rosli Radin Suhadi.

Mengulas mengenai pampasan kepada mangsa yang cedera dan waris jemaah haji yang terkorban dalam kejadian kren tumbang di Masjidilharam pada 11 September

tahun lalu, Ismee berkata, belum ada tarikh ditetapkan kerana kerajaan Arab Saudi sedang memuktamadkan mengenai bayaran tersebut.

"Sehingga kini belum ada kata putus mengenai bagaimana cara pembayaran pampasan itu akan dibuat tetapi saya yakin, perkara ini akan diputuskan dalam masa terdekat ini, insya-Allah," katanya.

Sementara itu, Tengku Abdullah bertitah, pada 2015, kutipan zakat harta yang dikumpulkan bagi seluruh negeri ini adalah RM111.3 juta membabitkan 78,220 pembayar melepasi sasaran ditetapkan Muip iaitu sebanyak RM110 juta.

"Penyumbang terbesar bayaran zakat adalah zakat pendapatan dan harta yang dibuat melalui potongan gaji iaitu sebanyak RM55 juta membabitkan seramai 54,981 orang pembayar. Jumlah kedua terbesar menerusi zakat perniagaan iaitu sebanyak RM39.7 juta," titahnya.

Baginda bertitah, bagi tahun ini, Muip menetapkan sasaran kutipan sebanyak RM115 juta dengan bilangan pembayar seramai 85,000 orang.